HUBUNGI SKUAD SENTRAL: NIK AMIRUL MU'MIN NIK MIN- 019-9882695

# Dalam proses lantik kontraktor baru



*Surau berkunci sukarkan pengguna*

Laporan *Sinar Harian* 13 Disember lalu.

SINAR HARIAN 28/12/2017

**KUANTAN** - Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) dalam proses melantik kontraktor yang akan menguruskan surau dan tandas di Laman Teruntum yang ditutup kepada orang ramai sejak pertengahan tahun ini.

Ketua Seksyen Perhubungan Awam MPK, Ezad Zainal Muhammad Safian berkata, surau berkenaan dijangka dibuka kepada orang ramai pada Februari depan.

Menurutnya, masalah pengurusan surau dan tandas di situ disebabkan kontraktor asal gagal melaksanakan tugas mereka dengan betul.

"Kontraktor yang bakal menguruskan tandas awam tersebut turut bertanggungjawab mengurus dan menyelenggarakan surau tersebut.

"Diharap isu ini akan selesai dan surau berkenaan akan dibuka untuk manfaat orang ramai tidak lama lagi," katanya.

Pada 13 Disember lalu, *Sinar Harian* menyiarkan keluhan orang ramai mengenai surau di Laman Teruntum yang dikunci menyebabkan pengunjung tidak dapat memanfaatkan surau itu untuk solat.